



PEMUTAR kidal UKM B, Amiruddin Azhar menyerbu pemukul Asia Pacific University B dalam pertemuan separuh akhir UKM Twenty20 di UKM Oval di Bangi, Selangor semalam.

UKM A dan B berentap dalam perlawanan akhir

KUALA LUMPUR - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) A dan B akan bertemu lagi dalam babak akhir kriket UKM Twenty20 esok berikutan kecemerlangan kedua-dua pasukan dalam separuh akhir di UKM Oval, Bangi semalam.

Dalam pertemuan pertama, UKM A menang 74 larian ke atas

Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Selepas itu, skuad UKM B pula menang sepuluh wicket ke atas Asia Pacific University (APU) B.

Dalam perlawanan akhir tahun lalu di Bayuemas Oval, UKM A mengatasi pasukan kedua universiti berkenaan.

"Kami mengharapkan perte-

muan menarik dalam babak akhir di gelanggang sama. Kedua-dua pasukan sama hebat," kata Ketua Pegawai Belia dan Sukan UKM, Fairus Shafie.

Apa pun, UIA akan berentap dengan APU B untuk penentuan ketiga, juga di Bayuemas Oval di Klang pada sebelah pagi esok.

KRIKET UKM TWENTY20

KEPUTUSAN

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA A KALAHKAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA DENGAN 74 LARIAN. UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA A 166-6 (20 OVER) FAIZAL ABU HASSAN 52, SHAFIQ SHARIF 50. HASSAN ALI KHAN 2-27, FAYSAL MOHAMMAD 2-28. UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA 92 (18.5 OVER) MOHAMMAD QASSIM 23, SHAHRIAR SHUVO 18. NIK AZRIL ARIFIN 3-20, SHAHRULNIZAM YUSOF 2-6. PEMAIN TERBAIK: SHAFIQ SHARIF (UKM A).

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA B KALAHKAN ASIA PACIFIC UNIVERSITY B DENGAN 10 WIKET. ASIA PACIFIC UNIVERSITY B 66 (19.4 OVER) FAIZSHAL NIAZ-LYN 20, AZWAR TAJRI 14. MAHADI MUDA 4-6, NIK NABIL SAFWAN ANUAY 4-9. UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA B 67-0 (13.1 OVER) NOOR AFIF SAUFEE KEKAL 37, ADZIM YAHAYA KEKAL 20. PEMAIN TERBAIK: MAHADI MUDA (UKM B).

JADUAL

ESOK

PENENTUAN KETIGA

UIA	LWN	APU B
(Bayuemas Oval, 9.30 pagi)		

BABAK AKHIR

UKM A	LWN	UKM B
(Bayuemas Oval, 1.30 petang)		